

20 OCT 1996

Pendatang-Tentera

TENTERA DIBERI KUASA POLIS CEGAH PENDATANG ASING

KUALA LUMPUR, 20 Okt (Bernama) -- Angkatan Tentera Malaysia akan diberi kuasa tambahan kepolisian untuk membantu pihak polis dalam operasi bersama mencegah kemasukan pendatang asing ke negara ini, kata Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar hari ini.

Cadangan pemberian kuasa itu dikemukakan oleh polis dalam mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Khamis lepas.

"Polis bersetuju untuk memberi kepada tentera "AP powers" (auxilliary police powers) bagi membolehkan mereka membantu polis dalam operasi bersama," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Keluarga Awam kementerian berkenaan di Taman Tasik Perdana di sini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas keputusan mesyuarat MKN mengenai peranan pihak ATM dalam membantu usaha kerajaan menangani isu pendatang haram.

Syed Hamid berkata polis dan tentera akan meningkatkan operasi bersama di kawasan daratan dan perairan negara dalam mencegah kemasukan pendatang berkenaan.

Menurutnya mesyuarat MKN itu juga bersetuju agar bot-bot yang sesuai untuk kegunaan di kawasan perairan yang tidak begitu dalam disediakan kepada pihak polis dan tentera.

Bot-bot berkenaan adalah bagi kegunaan di kawasan perairan seperti di Sabah dan kawasan lain yang berteluk dan tanjung yang agak sukar bagi bot-bot besar seperti jenis PZ untuk masuk, katanya.

"Kita memerlukan bot-bot yang kecil dan laju serta yang agak mudah dikawal bagi aktiviti pengawasan dan penjagaan yang berkesan," katanya.

Cadangan pembelian bot-bot berkenaan akan dikemukakan kepada Kementerian Kewangan tidak lama lagi. -- BERNAMA

RAZ MAI